

13 MAR 1999

Sabah-BN (Kejayaan)

PEMBANGUNAN MENGATASI SENTIMEN

KOTA KINABALU, 13 Mac (Bernama) -- Pilihan raya negeri Sabah berakhir dengan kemenangan bagi pembangunan dan mengetepikan sentimen.

"Pembangunan lwn sentimen" itulah yang memisahkan perjuangan Barisan Nasional (BN) dengan parti-parti lain yang bertanding.

Pada pilihan raya negeri kali ini BN menjanjikan lebih banyak pembangunan dalam semua aspek bagi Sabah, sementara parti-parti lawan khususnya Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Parti Bersekutu berkempen mengenai isu-isu yang menyentuh sentimen.

Dalam persiapan menghadapi pilihan raya PBS dan Bersekutu, kedua-duanya diketuai oleh bekas ketua menteri Datuk Joseph Pairin Kitingan dan Datuk Harris Salleh, memulakan kempen dengan agenda utama hak negeri dan perlunya menghormati perlembagaan negeri serta isu penggiliran jawatan Ketua Menteri.

BN, PBS dan Bersekutu masing-masing menurunkan calon di semua 48 kawasan Dewan Undangan Negeri.

Pairin juga berkempen mengenai isu-isu berkaitan kedaulatan undang-undang, merujuk kepada episod 1994 apabila wakil-wakil rakyat daripada parti itu "ditarik" menyertai BN, menyebabkan kerajaan parti itu tumbang tiga minggu selepas pilihan raya negeri 1994. Dalam pilihan raya itu PBS menang 25 kerusi iaitu majoriti tipis di dewan.

Beliau berkata, penduduk Sabah mahu hal ehwal dan isu tempatan ditentukan oleh penduduknya sendiri dan kita tidak mahu campurtangan politik dari luar.

Harris pula yang cuba kembali semula ke arena politik menonjolkan diri sebagai seorang pemimpin yang lebih berpengalaman dan boleh dipercayai untuk mengembalikan keyakinan dalam sektor ekonomi dan perniagaan Sabah.

Beliau pernah menjadi Ketua Menteri selama sembilan tahun dari 1976 hingga 1985 dan keputusan hari ini dengan jelas menunjukkan para pengundi tidak lagi mahukan Harris. Manifesto pilihan raya Bersekutu juga mengulangi isu-isu lama seperti hak negeri.

Harris dan Bersekutu ditolak sama sekali dengan Harris sendiri gagal memberi cabaran di kawasan Dewan Undangan Negeri Likas terhadap seorang lagi ketua menteri Datuk Yong Teck Lee dari BN, yang menang mudah.

Kempen BN pula menekankan pembangunan berterusan dan peruntukan bagi negeri itu dan penduduknya.

BN merasakan Sabah masih berdepan dengan pelbagai masalah seperti kemiskinan dan kurangnya perindustrian dan pemerintahan BN pasti boleh membetulkan keadaan.

Mereka mencuba apa sahaja yang boleh. Mereka tidak putus asa. Mereka berada di mana sahaja di Sabah dan mereka meyakinkan pengundi yang BN akan menunaikan janji-janjinya.

Dr Mahathir sendiri melawat Sabah tiga kali dalam tempoh 30 hari untuk memastikan kejayaan BN dan beliau dibantu sepenuhnya oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi dan hampir keseluruhan jentera pilihan raya BN.

-- BERNAMA

AU PR